

16 FEB 2003

Kayveas-PPP

PPP KAJI MOHON PERUNTUKAN KERUSI PADA PILIHAN RAYA UMUM

MELAKA, 16 Feb (Bernama) -- Parti Progresif Penduduk (PPP), salah satu komponen dalam Barisan Nasional (BN) akan mengkaji untuk membuat permohonan peruntukan kerusi bagi parti itu pada pilihan raya umum akan datang.

Presidennya Datuk M Kayveas berkata parti itu kini menunggu proses persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diluluskan oleh Parlimen.

"Apabila diluluskan, baru kita kaji mengenai peruntukan kerusi dan kita buat permohonan kepada Pengerusi BN," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina PPP Melaka di sini, hari ini.

Beliau berkata sekiranya pilihan raya umum dibuat selepas Oktober iaitu selepas persaraan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, PPP akan menyerahkan permohonan itu kepada penggantinya iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Ini semua kita sedang kaji dan PPP memberi jaminan untuk menyokong semua calon BN pada pilihan raya umum nanti," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Kayveas berkata PPP adalah parti berbilang kaum dan bukannya dimonopoli oleh satu-satu kaum sahaja.

"Kita dapat lihat di Melaka ini, pelbagai kaum menganggotainya dan inilah yang ingin diwujudkan oleh PPP. Mungkin di utara seperti Kedah, ramai ahli PPP terdiri daripada kaum India dan di Perak pula ramai ahlinya adalah kaum Cina, itu hanya secara kebetulan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi PPP Melaka Chiu Tian Chai berkata PPP Melaka akan membantu BN negeri untuk memastikan BN dapat menyapu bersih semua kerusi yang dipertandingkan di negeri itu pada pilihan raya umum nanti.

"Kekuatan PPP bertambah dengan kemasukan kaum Portugis dalam PPP dan sambutan pelbagai kaum di Melaka terhadap PPP amat menggalakkan," katanya.

Beliau berkata keanggotaan PPP di Melaka kini mencapai 6,000 orang dan sentiasa memberi sokongan kepada kerajaan negeri serta BN dalam apa juga kempen yang diadakan di sini.

-- BERNAMA

SBS ROS